

KONSEP MASLAHAH DAN MAFSADAH DALAM MENENTUKAN JUMLAH NAFKAH ANAK YANG ADIL

Abdul Karim Ibrhim, Mohd Sabree Nasri & Kamarul Ariffin Ithnan

abdulkarim@unimel.edu.my, mohdsabree@unimel.edu.my & kamarulariffin@uitm.edu.my
Universiti Islam Melaka & Universiti Teknologi MARA Pulau Pinang

Article History:

Received: 20 November 2025

Accepted: 25 November 2025

Published: 26 Disember 2025

Abstrak

Kajian ini meneliti penerapan konsep masalah dan mafsadah dalam penentuan kadar dan bentuk nafkah anak di Mahkamah Syariah di Malaysia. Objektifnya ialah menjelaskan bagaimana kepentingan dan kebajikan anak dipelihara tanpa menimbulkan kemudaratan yang berlebihan kepada bapa selaku penanggung nafkah, selaras dengan kehendak maqasid al-syariah. Dari segi metodologi, kajian ini bersifat normatif dan kualitatif, menggunakan pendekatan perundangan dan konseptual berasaskan analisis kepustakaan terhadap peruntukan undang-undang keluarga Islam, karya fiqh, artikel akademik serta beberapa kes terpilih Mahkamah Syariah. Analisis preskriptif digunakan bagi menilai sejauh mana prinsip masalah dan mafsadah diambil kira dalam penghakiman nafkah anak. Dapatan menunjukkan bahawa peruntukan undang-undang dan keputusan mahkamah secara umum menegaskan kewajipan nafkah anak berasaskan dua kriteria utama, iaitu keperluan munasabah anak dan kemampuan sebenar bapa. Kewajipan ini merangkumi komponen makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan dan perubatan. Namun, penerapan konsep masalah dan mafsadah dalam penghakiman masih belum digarap secara eksplisit sebagai kerangka penilaian yang sistematik, khususnya dalam menimbang masalah jangka panjang anak dan risiko mafsadah kepada bapa seperti beban kewangan melampau atau konflik litigasi berpanjangan. Kajian ini mengisi kelompangan literatur dengan menghubungkan secara langsung perbincangan teoritikal masalah dan mafsadah kepada praktis penghakiman nafkah anak di Malaysia. Ia juga mencadangkan pembangunan garis panduan pentaksiran nafkah berteraskan maqasid al-syariah serta pengukuhan mekanisme penguatkuasaan bagi menangani pengabaian nafkah, sekali gus menyumbang kepada pemerkasaan perlindungan kebajikan anak dalam sistem perundangan Syariah negara. Implikasi kajian turut relevan kepada pembuat dasar, pengamal undang-undang dan institusi kehakiman dalam memperkemas polisi nafkah anak yang lebih responsif terhadap realiti sosioekonomi semasa serta menjamin keadilan antara semua pihak yang terlibat.

Kata Kunci: *masalah dan mafsadah, kadar dan bentuk, nafkah anak, mahkamah syariah, maqasid syariah*

Abstract

This study examines the application of the concepts of *maslahah* and *mafsadah* in determining the rate and form of child maintenance in the Syariah Courts of Malaysia. Its objective is to clarify how the interests and welfare of the child are safeguarded without imposing undue hardship on the father as the maintenance provider, in line with the requirements of the *maqasid al-shariah*. Methodologically, the study is normative and qualitative, employing legal and conceptual approaches based on a literature analysis of Islamic family law provisions, classical and contemporary *fiqh* works, academic articles, and selected Syariah Court cases. A prescriptive analysis is used to assess the extent to which the principles of *maslahah* and *mafsadah* are taken into account in child maintenance judgments. The findings indicate that statutory provisions and judicial decisions generally affirm the obligation of child maintenance based on two primary criteria: the reasonable needs of the child and the actual financial capacity of the father. These encompass essential components such as food, clothing, accommodation, education, and medical care. However, the application of *maslahah* and *mafsadah* in judicial reasoning has yet to be articulated explicitly as a systematic evaluative framework, particularly in balancing the child's long-term welfare with potential *mafsadah* to the father, such as excessive financial burden or prolonged litigation. This study fills a gap in the literature by directly linking theoretical discussions of *maslahah* and *mafsadah* to the practical adjudication of child maintenance in Malaysia. It also proposes the development of a *maqasid*-based assessment guideline for determining maintenance, alongside strengthened enforcement mechanisms to address cases of maintenance neglect. Collectively, these efforts contribute to enhancing the protection of child welfare within the Syariah legal system. The implications of this study are also relevant for policymakers, legal practitioners, and judicial institutions in refining child maintenance policies that are more responsive to current socioeconomic realities while ensuring fairness for all parties involved.

Keywords: *maslahah and mafsadah, rate and form, child maintenance, Syariah Court, maqasid al-shariah*

PENDAHULUAN

Dalam menentukan jumlah nafkah anak yang adil, konsep *maslahah* dan *mafsadah* menjadi elemen penting bagi memastikan keseimbangan antara hak seorang anak sebagai penerima nafkah dan kemampuan seorang bapa sebagai pemberi nafkah (Durotun, N, 2024). *Maslahah* merujuk kepada segala bentuk kebaikan dan manfaat yang dapat menjamin kesejahteraan hidup, manakala *mafsadah* pula merujuk kepada sebarang bentuk kemudaratan atau keburukan yang boleh membawa pelbagai kesan negatif (Ahmad, R. ,2016).

Dalam konteks nafkah anak, *maslahah* membawa maksud keperluan asas yang wajib dipenuhi bagi memastikan anak membesar dalam keadaan sejahtera. Keperluan ini meliputi makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan dan perubatan (Ismail, M. H., et.al, 2024). Jika

keperluan ini tidak dipenuhi dengan baik, anak mungkin menghadapi kesukaran dalam kehidupan, yang akhirnya boleh menjejaskan kesejahteraan mereka secara fizikal dan emosi. Oleh itu, masalah menuntut agar jumlah nafkah yang diberikan mencukupi supaya anak mendapat kehidupan yang stabil dan selesa.

Sebaliknya, mafsadah dalam konteks ini boleh berlaku dalam pelbagai bentuk. Sebagai contoh, jika kadar nafkah anak yang diberikan oleh si bapa terlalu rendah, anak mungkin terpaksa hidup dalam kesusahan, tidak mendapat pendidikan yang sewajarnya atau menghadapi masalah kesihatan akibat kekurangan penjagaan yang baik dan mencukupi. Namun, jika jumlah nafkah anak terlalu tinggi dan tidak seimbang dengan kemampuan bapa, ia juga boleh menyebabkan tekanan kewangan kepada seorang bapa yang boleh menjejaskan kehidupannya serta tanggungjawabnya yang lain. Oleh itu, keseimbangan antara masalah dan mafsadah perlu dititikberatkan supaya keadilan dapat dicapai dalam pemberian nafkah anak (Durotun, N, 2024) .

Dalam hal nafkah anak, keadilan bermaksud setiap anak diberikan jumlah yang mencukupi mengikut keperluan mereka tanpa ada unsur diskriminasi atau pilih kasih (Azizi, A. Q., 2016). Sebagai contoh, seorang anak yang masih kecil mungkin memerlukan jumlah nafkah yang berbeza berbanding anak yang sudah dewasa dan sedang melanjutkan pelajaran. Oleh itu, keadilan dalam pemberian nafkah bukanlah bermaksud semua anak menerima jumlah yang sama, tetapi lebih kepada memastikan keperluan mereka dipenuhi secara adil berdasarkan keadaan mereka.

Kajian ini sangat penting dalam mengkaji pelaksanaan perintah pemberian nafkah anak seimbang dalam menjaga masalah dan menjauhi mafsadah. Kajian ini juga memberikan tumpuan kepada menjaga kedua-dua belah pihak iaitu pihak anak dan pihak bapa supaya kedua-dua mendapat hak yang sebenarnya menurut maqasid syariah.

PENSYARIATAN KEWAJIPAN NAFKAH ANAK

Nafkah anak merupakan suatu kewajipan yang telah ditetapkan bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan anak terpelihara. Kewajipan ini adalah satu perintah yang menjelaskan tanggungjawab bapa dalam menyediakan nafkah kepada anak-anak. Seorang bapa bertanggungjawab sepenuhnya dalam menyediakan nafkah kepada anak-anaknya. Ini termasuk makanan, pakaian, tempat tinggal dan segala keperluan asas lain. Kewajipan ini

bukanlah sesuatu yang boleh diabaikan kerana ia merupakan hak anak yang perlu dipenuhi. Walaubagaimanapun, nafkah anak hendaklah diberikan mengikut kadar kemampuan si bapa serta keperluan si anak.

Dalil yang menegaskan bahawa pemberian nafkah hendaklah berdasarkan kemampuan si bapa dapat dilihat dalam Surah At-Talaq ayat 7 yang bermaksudnya:

Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang di sempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan."(Surah At-Talaq: Ayat 7)

Di dalam Tafsir Al-Muyassar (2009) menerangkan bahawa hendaklah suami menafkahi istri yang ditalaknya dan anaknya sesuai kemampuannya sekiranya suami seorang yang senang. Sekiranya dia seorang miskin, maka hendaklah dia menafkahi sesuai dengan kadar yang Allah berikan. Orang yang miskin tidak dibebani seperti orang yang mampu. Allah akan menjadikan kelapangan dan kecukupan sesudah kesempitan dan kekurangan. Ayat ini memberikan garis panduan bahawa pemberian nafkah tidak boleh membebankan seseorang melebihi kemampuannya. Dalam konteks nafkah anak, seorang bapa harus memberikan nafkah mengikut kemampuannya tanpa menzalimi dirinya sendiri. Sekiranya dia mempunyai rezeki yang luas, maka nafkah yang diberikan harus lebih baik, manakala jika dia berada dalam keadaan kesempitan, maka dia hanya diwajibkan memberi nafkah mengikut apa yang termampu. Selain dalil daripada Al-Quran, terdapat juga hadis-hadis Rasulullah SAW yang memperjelaskan kewajipan nafkah terhadap anak-anak.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Amr RA, Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya:

"Sudah cukup seseorang itu dikatakan berdosa jika dia mensia-siakan orang yang menjadi tanggungannya."

(HR Muslim, No. 996)

Hadis ini memberi peringatan bahawa seorang bapa yang mengabaikan tanggungjawab nafkah terhadap anak-anaknya dianggap berdosa. Ini menunjukkan bahawa Islam meletakkan

nafkah sebagai satu kewajipan yang tidak boleh dipandang remeh, kerana ia melibatkan kesejahteraan dan kehidupan anak-anak. Di samping itu, terdapat juga hadis lain yang menjelaskan ganjaran bagi mereka yang memberikan nafkah dengan ikhlas. Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya:

"Tidaklah seseorang yang memberi nafkah kepada keluarganya dengan niat mengharap ganjaran dari Allah, melainkan ia akan dikira sebagai sedekah."

(HR Bukhari, No. 5351)

Hadis ini menjelaskan bahawa nafkah yang diberikan kepada anak bukan sekadar satu tanggungjawab, tetapi juga merupakan satu bentuk ibadah yang mendapat ganjaran pahala daripada Allah SWT. Dalil-dalil yang dinyatakan dengan jelas dan terperinci sepertimana di atas jelas menunjukkan bahawa memberi nafkah kepada anak adalah satu kewajipan dan tuntutan dalam Islam yang tidak boleh sama sekali diabaikan. Islam sebagai sebuah agama yang syumul menekankan bahawa nafkah anak harus diberikan mengikut kemampuan seorang bapa, namun mereka yang mengabaikan tanggungjawab ini adalah dianggap berdosa. Pada masa yang sama, Allah SWT menjanjikan ganjaran besar bagi mereka yang menunaikan nafkah dengan ikhlas.

SOROTAN LITERATUR

a) Konsep Masalah Dan Mafsadah

Kajian oleh Saadan Man (2022) di dalam artikelnya *Fiqh Semasa: Konsep Dan Aplikasinya* mendapati bahawa aplikasi fiqh semasa dalam kehidupan umat Islam membolehkan mereka sentiasa mengadaptasi syariat Islam dalam dunia kontemporari yang penuh mencabar ini. Fiqh semasa adalah sebuah gagasan fleksibel syariat Islam yang mengoperasikan ijtihad berdasarkan realiti persekitaran dan keperluan masyarakat setempat. Ia membuktikan bahawa syariat Islam berupaya menjawab segala isu dan permasalahan umat pada setiap zaman dan tempat sekaligus memberi isyarat bahawa syariat Islam itu sesuai untuk diamalkan sepanjang zaman. Masalah dan mafsadah merupakan konsep yang sentiasa dijadikan sandaran utama oleh para ulama dalam menyelesaikan pelbagai permasalahan hukum Islam yang baharu pada setiap zaman dan tempat.

Kajian oleh Sarif, A., & Ahmad, R. (2017) dalam artikelnya *Konsep Masalahah Dan Mafsadah Menurut Imam Al-Ghazali* telah meneliti kedua konsep ini. Mencapai masalahah dan menolak mafsadah antara tujuan dalam menetapkan hukum Islam. Para ulama menjadikan kedua konsep tersebut pegangan utama ketika menangani permasalahan hukum. Menggunakan pendekatan masalahah dan mafsadah dalam menentukan sesuatu hukum bukan bermakna menjadikan hawa nafsu atau kepentingan manusia semata-mata sebagai sumber hukum. Penentuan suatu hukum berdasarkan konsep masalahah dan mafsadah juga bukan semata-mata berdasarkan tujuan duniawi sehingga mengetepikan syarak. Pemahaman yang menyeluruh tentang masalahah dan mafsadah dalam penyelesaian hukum amat diperlukan, hal ini agar tidak terjadi kesalahan dalam pengambilan suatu hukum dengan menggunakan konsep tersebut. Para ulama kita mempunyai pendekatan dalam menentukan hukum dengan menggunakan konsep masalahah dan mafsadah yang kedua-duanya terangkum dalam Maqasid Syariah.

Kajian oleh Hidayatullah, S. (2018) dalam artikelnya *Maslahah Mursalah Menurut Al-Ghazali*. Ada menyatakan beberapa kriteria atau syarat yang perlu dipenuhi bagi mengamalkan konsep masalahah dan mafsadah yang sebenar. Antara syarat beramal dengan masalahah menurut Imam Al-Ghazali adalah seperti berikut:

i. Masalahah itu hendaklah sesuai dengan maksud dan tujuan syarak. Ini adalah tahap penerimaan sesuatu masalahah atau penolakan sesuatu mafsadah. Jika ia sesuai dengan maksud dan tujuan syarak, maka ia diterima dan jika ia tidak sesuai dengan tujuan dan kehendak syarak, maka ia tertolak.

ii. Masalahah itu hendaklah tidak bertentangan dengan nas-nas syarak. Jika bertentangan, maka ia tertolak.

lii . Masalahah itu hendaklah tidak bertentangan dengan dalil-dalil yang lebih kuat seperti Ijmak dan Qiyas mahupun mana-mana sumber lain yang dipercayai lebih kuat daripadanya. Syarat-syarat ini diterima pakai oleh para ulama kita dalam beramal dengan konsep masalahah dan mafsadah yang sebenar.

Kajian oleh Fuad, et.al, (2024) dalam artikelnya *Considering Debt In The Perspective Of Maqasid Al-Shariah: Masalahah Versus Mafsadah* mendapati Mafsadah dalam Maqasid al-Syariah berkaitan dengan kemudaratan atau kerugian, terutamanya dalam konteks memenuhi keperluan hidup. Ia menekankan kesan negatif hutang

terhadap kesejahteraan, serta membimbing pertimbangan etika dalam amalan kewangan menurut tradisi Islam. Namun kajian ini tidak menumpukan kepada kehutangan yang berlaku akibat daripada nafkah tertunggak yang diabaikan oleh ayah. Sedangkan kajian terhadap nafkah anak ini merupakan perkara yang sangat penting bagi mengelakkan kemudaratan kepada anak kecil tersebut.

Kajian yang dilakukan oleh Hikmah, et.al, (2024) dalam artikelnya *Maqashid Al-Syariah as a Contemporary Economic Solution According to Yusuf Al-Qaradawi* menjelaskan maksud Mafsadah dalam Maqasid Al-Syariah adalah merujuk kepada kemudaratan atau kerosakan yang perlu dielakkan dalam amalan ekonomi. Ia menekankan kepentingan memastikan kelangsungan hidup dan kesejahteraan, selaras dengan matlamat mempromosikan keadilan sosial dan sistem ekonomi beretika. Kajian ini juga menekankan potensi Maqasid Al-Syariah untuk membimbing polisi ekonomi ke arah mencapai kesejahteraan bersama (maslahah). Penyelidikan ini menganalisis pandangan Al-Qaradawi mengenai kemiskinan, ketidakseimbangan kekayaan, dan riba. Penemuan menunjukkan bahawa penerapan prinsip Islam dapat menangani cabaran ekonomi kontemporari dengan berkesan. Kajian ini menyimpulkan bahawa pendekatan Al-Qaradawi menawarkan pandangan yang bernilai untuk membina sistem ekonomi yang lebih adil dan mampan, terutamanya dalam konteks globalisasi dan krisis kewangan. Namun kajian ini bersifat umum terhadap ekonomi global. Oleh itu, satu kajian yang lebih tertumpu kepada ekonomi keluarga seperti nafkah perlu bagi menangani krisis rumah tangga akibat daripada pengabaian terhadap nafkah anak. Pengabaian nafkah anak juga membawa kepada mafsadah yang lebih besar dalam masyarakat jika tidak ditangani dengan betul.

Kajian oleh Sabil, et.al, (2024) menerangkan dalam artikelnya *The Maqashid Sharia Perspective on Women's Involvement in Supporting Family Livelihoods in Jantho City* membincangkan manfaat dan potensi mafsadat penglibatan wanita dalam mata pencarian keluarga, dengan menekankan keperluan untuk mengimbangi kedua-dua aspek ini. Ia menyoroti sifat subjektif manfaat berbanding sifat objektif mafsadat. Ia mencadangkan keperluan penilaian yang teliti berdasarkan keadaan tertentu. Ia menyatakan bahawa sistem sosial di Pasar Jantho mematuhi adab yang sesuai, mengurangkan risiko yang berkaitan dengan aktiviti wanita di ruang awam. Namun kajian ini tidak menumpukan kepada mafsadah yang berlaku akibat daripada pengabaian

nafkah oleh suami/ayah sebagai ketua keluarga dalam mencari nafkah untuk keluarga. Oleh itu, kajian ini perlu dilakukan bagi menilai mafsadah yang terjadi akibat daripada kegagalan bapa dalam memberikan nafkah kepada anaknya.

Kajian-kajian terdahulu oleh Saadan Man (2022), Sarif dan Ahmad (2017), serta Hidayatullah (2018) telah menghuraikan konsep masalahah berkaitan nafkah. Manakala Fuad bersama penulis lain (2024), Hikmah bersama penulis lain (2024), dan Sabil bersama penulis lain pula menghuraikan konsep mafsadah daripada perspektif teori dan pengaplikasian umum dalam fiqh semasa. Kesemua kajian tersebut menegaskan kepentingan masalahah dan mafsadah dalam proses ijtihad serta penyelesaian hukum ketika berhadapan isu kontemporari, namun fokusnya hanya tertumpu kepada aspek teoritikal dan metodologi maqasid secara umum tanpa mengaitkannya secara spesifik dengan permasalahan nafkah anak atau mekanisme penentuan jumlah nafkah dalam konteks Mahkamah Syariah. Tiada kajian yang meneliti bagaimana konsep masalahah yang melibatkan kepentingan dan kebajikan anak dan konsep mafsadah yang berkaitan risiko kemudaratan kepada bapa ditimbang secara praktikal dalam proses penghakiman nafkah.

b) Kadar Dan Bentuk Nafkah Anak

Kajian oleh Zaini Nasoha (2018) dalam artikelnya *Analisa Keputusan Mahkamah Syariah Dalam Penentuan Kadar Dan Bentuk Nafkah Anak* menyatakan bahawa anak wajib diberikan nafkahnya dalam kadar yang mencukupi berdasarkan keperluan, adat kebiasaan tempat ia tinggal serta kemampuan orang yang menanggung nafkah. Keperluan-keperluan yang wajib dipenuhi didahului dengan keperluan asas utama dan diiringi dengan beberapa keperluan lain yang lazim bagi seorang anak. Segala bentuk nafkah anak hendaklah diberikan mengikut kadar yang mencukupi berdasarkan kemampuan si bapa.

Kajian oleh Bahiyah Ahmad (2015) dalam artikelnya *Penentuan Kriteria Kifayah dan Ma'ruf Nafkah Isteri dan Anak di Malaysia* telah menerangkan maksud 'mencukupi' seperti yang ditegaskan oleh Hukum Syarak, penentuan kadar nafkah hendaklah melihat kepada keadaan penerima nafkah tersebut dari segi umur dan kehidupannya. Jika kanak-kanak itu masih terlalu kecil, maka hendaklah disediakan nafkah sesuai dengan sifatnya. Manakala kanak-kanak yang besar sedikit pula perlu disediakan nafkah yang sesuai

dengan keadaan usianya. Begitu juga kanak-kanak yang kurang sempurna seperti cacat atau kurang upaya, maka wajib disediakan kelengkapan yang sewajarnya.

Kajian oleh Ibrahim, B., & Mohd, A. (2013) dalam artikelnya *Hak anak terhadap nafkah dalam perundangan Islam: Sejauh manakah bapa bertanggungjawab menanggung nafkah anaknya* menerangkan bahawa tidak wajar seorang bapa diminta menanggung nafkah anak dengan jumlah yang jelas tidak mampu disediakannya. Jika dipaksa juga, ia merupakan satu kezaliman bahkan ia juga boleh membawa kemudaratan kepada bapa tersebut. Justeru yang paling baik, dan sesuai ialah dengan mengambil jalan pertengahan iaitu dengan menimbangkan kedudukan kedua-dua pihak iaitu penanggung dan penerima nafkah tersebut. Sungguhpun demikian, para ulama fiqh bersependapat bahawa orang yang menanggung nafkah anak wajib menyediakan keperluan-keperluan seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal secara mencukupi.

Kajian oleh Ismail, M. H.et.al, (2024) dalam artikelnya *Analisis Item Nafkah Selain Keperluan Asas Dalam Perintah Nafkah* menerangkan berkaitan perbelanjaan perubatan initermasuk di dalam nafkah anak. Jika dinilai dari segi kepentingan, lebih-lebih lagi pada waktu kini dengan munculnya pelbagai jenis penyakit, tidak boleh dinafikan bahawa perbelanjaan perubatan adalah termasuk dalam nafkah yang wajib ditanggung. Ini kerana bagi seseorang yang sakit, ubat dan rawatan perubatan adalah keperluan untuk hidup. Keperluan terhadapnya adalah seperti keperluan terhadap makanan harian. Namun oleh kerana sakit itu lazimnya bukan suatu yang bersifat kekal atau sentiasa sakit, maka nafkah untuk kos perubatan bukanlah suatu yang tetap. Ia boleh berubah mengikut keperluan. Unsur keperluan inilah yang perlu dilihat secara teliti agar kadar yang munasabah dapat ditetapkan dengan adil.

Kajian oleh Bahri, S. (2015) dalam artikelnya *Konsep Nafkah Dalam Hukum Islam* menyatakan pembelanjaan pendidikan anak juga menjadi kewajipan bapa menanggung nafkah anak yang masih menuntut ilmu walaupun anak itu telah dewasa dan mampu bekerja. Umumnya topik kewajipan memberi dan menanggung keperluan pendidikan kepada anak-anak ini tidak dibincangkan secara khusus di dalam kitab-kitab fiqh yang terawal. Walaubagaimanapun keperluan kepadanya tetap boleh difahami secara tersirat daripada kenyataan. Justeru, apatah lagi untuk menyediakan keperluan pendidikan kepada anak yang masih kecil di mana semuanya bergantung kepada penjanganya.

Kajian-kajian terdahulu telah memberikan asas penting berkaitan prinsip

penentuan nafkah anak, termasuk konsep *kifayah* dan *ma'ruf*, kecukupan nafkah serta kemampuan bapa sebagaimana dibincangkan oleh Zaini Nasoha (2018), Bahiyah Ahmad (2015) dan Ibrahim dan Mohd (2013). Kajian seperti Ismail dan Isa (2024) serta Bahri (2015) turut memperincikan keperluan tambahan seperti perubatan dan pendidikan yang kini menjadi komponen wajib dalam nafkah anak. Namun, kesemua kajian ini masih bersifat deskriptif dan tidak menghubungkan perbincangan tersebut secara langsung dengan kerangka maqasid al-shariah, khususnya prinsip masalah dan mafsadah yang menjadi asas keseimbangan keadilan antara manfaat kepada anak dan kemampuan sebenar bapa. Tiada kajian yang meneliti bagaimana masalah anak yang meliputi aspek fizikal, pendidikan, emosi dan perkembangan jangka panjang ditaksir secara sistematik dalam penghakiman nafkah. Dalam masa yang sama, mafsadah kepada bapa seperti beban kewangan yang melampau, ketidakseimbangan tanggungan serta risiko konflik litigasi turut tidak dianalisis sebagai sebahagian daripada proses pertimbangan hukum.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan beberapa kaedah bagi memastikan dapatan yang diperoleh mempunyai asas ilmiah yang kukuh. Dari segi jenis kajian, penyelidikan ini berbentuk normatif dan kualitatif. Kajian normatif menumpukan kepada analisis peraturan, norma dan prinsip undang-undang serta doktrin yang relevan dengan topik kajian (Firmanto, et.al, 2024). Pendekatan kualitatif pula digunakan untuk memahami fenomena secara mendalam melalui data deskriptif tanpa bergantung kepada analisis statistik (Ardyan, et.al, 2023).

Dua pendekatan utama digunakan, iaitu pendekatan perundangan dan pendekatan konseptual. Pendekatan perundangan memberi tumpuan kepada analisis terhadap norma dan peraturan dalam undang-undang, manakala pendekatan konseptual membina atau memperkemas konsep berkaitan isu kajian secara lebih menyeluruh.

Pengumpulan data dijalankan melalui penyelidikan kepustakaan. Bahan yang dihimpunkan merangkumi peruntukan undang-undang, buku, jurnal dan sumber ilmiah lain yang membincangkan konsep asas serta aplikasi kes oleh hakim. Semua data dianalisis secara sistematik melalui pembacaan mendalam dan perbandingan silang.

Analisis data dalam kajian ini bersifat preskriptif, iaitu menilai aspek normatif peraturan undang-undang bagi menentukan apa yang patut dilaksanakan menurut

kehendak undang-undang (Aziz, N. M. 2012). Proses analisis dimulakan dengan penelitian terhadap norma, prinsip dan peraturan berkaitan. Analisis ini disokong dengan penelitian terhadap keputusan mahkamah yang menerapkan konsep masalah dan mafsadah bagi menilai kesesuaiannya serta peranannya dalam menghasilkan keputusan nafkah anak yang adil dan munasabah.

DAPATAN KAJIAN

a) Kadar Dan Bentuk Nafkah Anak Menurut Perundangan Syariah

Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa di dalam menentukan kadar nafkah bagi orang Islam di Malaysia. Meskipun ketetapan kadar nafkah bersifat fleksibel namun ia masih berasaskan panduan yang ditetapkan oleh Hukum Syarak dan Undang Undang Keluarga Islam. Perasaan tidak puas hati sama ada di pihak plaintif mahupun defendan mengenai kadar yang ditetapkan oleh Mahkamah lazimnya timbul jika pihak-pihak tidak mengetahui atau tidak memahami bagaimana sesuatu penghakiman mengenai kadar nafkah itu ditetapkan (Zaini Nasoha, 2018). Hakim syarie memutuskan sesuatu ketetapan dan perintah nafkah adalah berdasarkan hukum syarak, dan mengambil kira kemampuan bapa dan keperluan anak-anak tersebut. Bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam menentukan kadar nafkah berasaskan Hukum Syarak dan Undang-Undang Keluarga Islam menunjukkan usaha memastikan kebajikan anak terpelihara melalui keputusan yang sah, berautoriti dan selaras dengan prinsip syariah. Sifat fleksibel dalam penetapan kadar nafkah membolehkan hakim menyesuaikan keputusan dengan realiti kehidupan semasa, termasuk perubahan ekonomi, keperluan anak dan keadaan keluarga.

Pendekatan ini merealisasikan masalah kerana ia membolehkan keperluan sebenar anak dipenuhi tanpa terikat kepada kadar yang statik atau tidak lagi relevan. Konsep mafsadah turut diambil kira apabila Mahkamah memastikan kadar nafkah tidak ditetapkan secara sewenang-wenangnya. Ketidakhahaman pihak-pihak terhadap asas penghakiman boleh menimbulkan rasa tidak puas hati, konflik dan pertikaian berpanjangan antara plaintif dan defendan. Oleh itu, hakim menimbang kemampuan bapa dan keperluan anak bagi mengelakkan kemudaratan seperti beban kewangan yang melampau atau pengabaian hak anak. Pertimbangan ini bertujuan menutup ruang

ketidakadilan yang boleh menjejaskan hubungan kekeluargaan dan kestabilan sosial.

Peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia turut memperuntukkan panduan kepada hakim syarie dalam menentukan kadar nafkah kepada anak-anak. Pentaksiran kadar nafkah mestilah berasaskan kepada dua perkara utama iaitu kemampuan dan keperluan. Seksyen 61 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dalam mentaksirkan kadar nafkah menyatakan:

“Pada menentukan jumlah apa-apa nafkah yang hendak dibayar, Mahkamah hendaklah mengasaskan pentaksirannya terutama sekali atas kemampuan dan keperluan pihak- pihak itu, dengan mengira kadar nafkah itu berbanding dengan pendapatan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat.”

Manakala dalam mentaksirkan kadar dan bentuk nafkah anak, Seksyen 72 (1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1974 lebih memperincikan mengenai keperluan nafkah anak, iaitu:

“Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan, dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.”

Jika dilihat kepada peruntukan ini, tidak ada bezanya dengan apa yang telah ditetapkan oleh hukum syarak dalam memberi garis panduan bagaimana menentukan kadar nafkah anak-anak. Secara ringkasnya, garis panduan tersebut merangkumi aspek keperluan anak-anak dan kemampuan si bapa dalam memberikan kadar dan bentuk nafkah anak yang mencukupi. Walaubagaimanapun keperluan anak-anak ini pada zaman sekarang mungkin sedikit berubah mengikut peredaran zaman dan keadaan semasa dengan pelbagai faktor sampingan seperti peningkatan kos sara hidup dan perbelanjaan sampingan yang mendesak bagi anak-anak (Ahmad, B. (2019).

Oleh yang demikian Mahkamah Syariah perlu teliti dalam menentukan kadar dan bentuk nafkah yang dilihat bersesuaian dan munasabah dalam konteks semasa. Istilah munasabah inilah yang diguna pakai di dalam konteks Undang Undang Keluarga Islam di Malaysia sebagai suatu kelonggaran kepada pihak Mahkamah untuk melihat keperluan yang asas atau keperluan mendesak dan bukannya kehendak mahupun keinginan

sampingan semata-mata (Sarhini, et.al, (2024).

b) Kes - Kes Berkaitan Nafkah Anak Menepati Konsep Masalahah Dan Mafsadah

Analisis daripada kes-kes Mahkamah Syariah diperlukan bagi memahami kehendak sebenar undang-undang dan bagaimana Mahkamah Syariah memutuskannya mengikut konsep masalahah dan mafsadah. Terdapat beberapa kes di Mahkamah Syariah memberikan penghakiman dalam menetapkan bentuk-bentuk nafkah anak dengan kadar yang menepati konsep masalahah dan mafsadah.

Nafkah Dalam Bentuk Makanan

Dalam menentukan kadar dan bentuk nafkah anak, mahkamah sering menyeimbangkan masalahah dan mafsadah agar keputusan yang dibuat selaras dengan keadilan dan kemampuan pihak yang terlibat. Dalam kes *Rokiah lwn Abdul Aziz* [1988] 4(1) JH 156-164, mahkamah menegaskan bahawa penyediaan makanan adalah keperluan asas yang wajib ditanggung oleh bapa kerana ia merupakan keperluan hidup paling utama bagi seorang anak. Prinsip ini menunjukkan pertimbangan masalahah, iaitu memastikan kelangsungan hidup dan kesejahteraan anak sebagai keutamaan. Mahkamah mengiktiraf bahawa makanan adalah keperluan hidup yang tidak boleh dikompromi kerana tanpanya kelangsungan hidup dan kesejahteraan anak akan terjejas.

Pertimbangan ini selari dengan masalahah daruriyyah, khususnya pemeliharaan nyawa dan kesihatan anak, yang menjadi objektif utama pensyariatan nafkah. Dengan memastikan keperluan asas ini dipenuhi, Mahkamah merealisasikan manfaat sebenar kepada anak dan melindungi hak mereka sebagai pihak yang lemah. Konsep mafsadah turut diambil kira melalui penegasan bahawa penentuan nafkah perlu selaras dengan keadilan dan kemampuan pihak yang terlibat. Penetapan nafkah tanpa mengambil kira kemampuan bapa berpotensi menimbulkan mafsadah dalam bentuk beban kewangan yang melampau, kegagalan mematuhi perintah Mahkamah, atau konflik berpanjangan antara ibu dan bapa. Oleh itu, Mahkamah perlu mengelakkan keputusan yang walaupun bertujuan menjaga kebajikan anak, tetapi akhirnya membawa kemudaratan kepada pihak lain. Mahkamah berperanan menyeimbangkan masalahah dan mafsadah dengan mendahulukan keperluan asas anak sebagai keutamaan, sambil memastikan keputusan yang dibuat adil dan praktikal. Pendekatan ini memastikan kebajikan anak terpelihara

tanpa menimbulkan kemudharatan yang tidak perlu, sekali gus menepati roh keadilan dan tujuan syariah.

Hal ini jelas dalam kes rayuan *Mohd Hassan b. M. Ghazali lwn Siti Sharidza bt. Mohd Sidque* [2004] 18(2) JH 269-277 apabila hakim merujuk kepada hadis “Ambillah sekadar yang mencukupi untuk kamu dan anak kamu”. Mahkamah memutuskan bahawa nafkah makanan hanya wajib diberikan pada kadar yang mencukupi dan tidak sampai kepada tahap pembaziran atau kemewahan yang boleh menimbulkan mudarat kepada pemberi nafkah. Keputusan Mahkamah yang mewajibkan nafkah makanan pada kadar yang mencukupi menzahirkan masalah daruriyyah, khususnya pemeliharaan nyawa dan kesejahteraan anak. Pendekatan ini memastikan anak memperoleh keperluan hidup yang minimum dan munasabah tanpa dinafikan hak mereka untuk hidup secara selesa dan terpelihara. Ini turut menonjolkan mafsadah yang ingin dielakkan oleh Mahkamah. Penetapan nafkah yang melampaui keperluan sehingga membawa kepada pembaziran atau kemewahan boleh menimbulkan mudarat kepada pemberi nafkah, terutamanya dalam bentuk beban kewangan yang tidak seimbang dengan kemampuan sebenar. Keadaan ini boleh mencetuskan konflik, keingkaran terhadap perintah Mahkamah atau tekanan ekonomi yang berpanjangan, yang akhirnya menjejaskan semua pihak termasuk anak itu sendiri.

Prinsip imbalan ini turut ditunjukkan dalam kes *Hasanah bt Abdullah lwn Ali b. Muda* [1999] 13(2) JH 159-184 apabila mahkamah menetapkan nafkah RM300 sebulan untuk dua orang anak termasuk upah penyusuan. Keputusan ini menzahirkan pertimbangan masalah dengan memastikan semua keperluan asas anak termasuk penyusuan dipenuhi, namun tetap mengelakkan mafsadah dengan menetapkan jumlah yang munasabah dan sepadan dengan kemampuan bapa. Keputusan Mahkamah menetapkan nafkah sebanyak RM300 sebulan bagi dua orang anak, termasuk upah penyusuan, menggambarkan keutamaan terhadap pemenuhan keperluan asas anak secara menyeluruh. Penyusuan merupakan keperluan asas khususnya bagi anak kecil kerana ia berkait rapat dengan kesihatan, pertumbuhan dan kelangsungan hidup mereka. Mafsadah turut dielakkan melalui penetapan jumlah nafkah yang munasabah dan sepadan dengan kemampuan bapa. Penetapan kadar yang terlalu tinggi berpotensi menimbulkan beban kewangan, tekanan emosi dan ketidakpatuhan terhadap perintah Mahkamah, yang akhirnya boleh menjejaskan kebajikan anak itu sendiri. Dengan

menetapkan jumlah yang sederhana, Mahkamah mengelakkan kemudaratannya kepada bapa tanpa menafikan hak anak.

Nafkah Dalam Bentuk Pakaian

Keperluan pakaian turut dianggap sebagai salah satu komponen penting dalam nafkah anak, selari dengan keperluan asas yang mesti dipenuhi oleh seorang bapa. Dalam kes *Mohd Hassan b. M. Ghazali lwn Siti Sharidza bt. Mohd. Sidque* [2004] 18(2) JH 269-277, mahkamah menegaskan bahawa pakaian termasuk dalam kategori nafkah wajib, sekali gus menunjukkan bahawa keperluan anak tidak terhad kepada makanan sahaja tetapi merangkumi segala keperluan asas bagi membolehkan anak membesar dengan baik. Pertimbangan ini menunjukkan elemen masalah kerana ia memastikan kesejahteraan anak terpelihara tanpa menimbulkan mafsadah kepada pihak yang menanggung nafkah melalui penetapan kewajipan yang munasabah.

Pengiktirafan pakaian sebagai komponen nafkah anak menunjukkan usaha Mahkamah memastikan kebajikan dan maruah anak terpelihara. Pakaian bukan sekadar keperluan fizikal untuk melindungi tubuh, tetapi juga berkait dengan kesihatan, keselamatan dan harga diri anak dalam kehidupan seharian. Dengan menetapkan bahawa nafkah tidak terhad kepada makanan semata-mata, Mahkamah mengiktiraf kepentingan menyediakan persekitaran hidup yang wajar dan seimbang agar anak dapat membesar secara sihat, bermaruah dan stabil. Ini selari dengan matlamat syariah untuk memelihara nyawa, maruah dan kesejahteraan insan. Elemen mafsadah dicegah melalui penetapan kewajipan nafkah pakaian secara munasabah. Kewajipan ini tidak difahami sebagai tuntutan kepada kemewahan atau pembaziran, sebaliknya terhad kepada keperluan asas yang sesuai dengan kemampuan bapa. Pendekatan ini mengelakkan kemudaratannya kepada pihak yang menanggung nafkah, seperti beban kewangan yang berlebihan atau ketidakadilan dalam pelaksanaan perintah Mahkamah.

Dalam konteks pendidikan pula, mahkamah menegaskan bahawa perbelanjaan persekolahan adalah sebahagian daripada nafkah yang perlu diberi perhatian serius kerana pendidikan merupakan asas masa depan anak. Hal ini jelas melalui keputusan dalam kes *Rohana bt. Zakaria lwn Mokhtar b. Abdul Talib* [2009] 27(2) JH 279-301, apabila mahkamah menyatakan bahawa perubahan keperluan anak apabila memasuki alam persekolahan mesti diambil kira dalam menentukan kadar nafkah. Berasaskan pertimbangan masalah bagi menjamin masa depan anak, mahkamah memerintahkan

defendan membayar nafkah sebanyak RM150 bagi setiap anak serta menanggung perbelanjaan awal persekolahan sebanyak RM400 setiap sesi.

Keputusan ini menyeimbangkan antara keperluan pendidikan anak dan kemampuan bapa, sekali gus mengelakkan mafsadah seperti beban kewangan yang tidak seimbang atau pengabaian hak pendidikan anak. Perintah nafkah bulanan serta perbelanjaan awal persekolahan mencerminkan usaha Mahkamah memastikan hak anak terhadap pendidikan tidak terabai. Ini merupakan masalah yang berkait dengan pemeliharaan akal dan pembangunan potensi anak, selaras dengan tujuan syariah untuk melahirkan individu yang berilmu dan seimbang. Elemen mafsadah turut dipertimbangkan melalui penetapan kadar nafkah yang munasabah dan sepadan dengan kemampuan bapa. Mahkamah tidak menetapkan jumlah yang melampau sehingga membebankan defendan, kerana tindakan sedemikian boleh menimbulkan kemudaratannya seperti tekanan kewangan, ketidakpatuhan terhadap perintah mahkamah atau konflik berpanjangan antara pihak-pihak terlibat. Sebaliknya, penetapan jumlah yang realistik membantu mengelakkan pengabaian hak pendidikan anak akibat kegagalan bapa menunaikan tanggungjawab nafkah.

Nafkah Dalam Bentuk Perbelanjaan Perubatan

Perbelanjaan perubatan turut termasuk dalam tanggungan nafkah tetapi jumlahnya mesti dikaitkan dengan kemampuan pemberi nafkah, sebagaimana keputusan menolak permohonan peningkatan kadar nafkah dalam *Azizan b. Marzuki lwn Maharum bt Abdullah* [2002] 15(1) JH 13–23, di mana mahkamah menegaskan nafkah harus menampung keperluan asas dan perbelanjaan tambahan diserahkan mengikut kemampuan. Kesemua keputusan ini menunjukkan pendekatan berhati-hati oleh hakim memastikan masalah anak terpelihara seperti makanan, pakaian, pendidikan dan perubatan sambil mengelakkan mafsadah seperti beban yang melampau ke atas pihak yang menanggung nafkah dengan menetapkan kadar dan bentuk nafkah yang munasabah dan seimbang.

Pengiktirafan perbelanjaan perubatan sebagai sebahagian daripada tanggungan nafkah menunjukkan keutamaan Mahkamah terhadap pemeliharaan kesihatan dan kesejahteraan anak. Keperluan rawatan perubatan berkait secara langsung dengan kelangsungan hidup dan kualiti kehidupan anak, justeru ia termasuk dalam keperluan asas yang wajar diberi perhatian. Elemen mafsadah turut diambil kira apabila Mahkamah

menolak permohonan peningkatan kadar nafkah yang tidak sepadan dengan kemampuan pemberi nafkah. Penetapan perbelanjaan perubatan yang melampaui kemampuan bapa berpotensi menimbulkan kemudaratan dalam bentuk beban kewangan berlebihan, tekanan emosi dan ketidakpatuhan terhadap perintah Mahkamah. Oleh itu, perbelanjaan tambahan diserahkan mengikut kemampuan sebenar, bagi mengelakkan ketidakadilan kepada pihak yang menanggung nafkah.

PERBINCANGAN

a) Keseimbangan Antara Masalah Dan Mafsadah Dalam Penentuan Nafkah Anak

Nafkah anak merupakan tanggungjawab utama seorang bapa. Ia merangkumi keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan, dan kesihatan. Dalam menentukan nafkah anak, keseimbangan antara masalah serta mafsadah harus diambil kira agar keputusan yang dibuat tidak membebankan mana-mana pihak (Sabarudin, et.al, 2025). Keseimbangan antara masalah dan mafsadah dalam nafkah anak dapat dilihat dari beberapa sudut:

Kadar Nafkah Berdasarkan Kemampuan

Nafkah anak harus diberikan mengikut kemampuan bapa. Hal ini supaya nafkah yang ditetapkan tidak membebankan si bapa, dalam masa yang sama memastikan keperluan anak tetap terjamin (Dimon, et.al, 2024). Penegasan terhadap nafkah anak perlu diberikan mengikut kemampuan bapa menunjukkan penerapan *masalah daruriyyah* terhadap kedua-dua pihak. Dari sudut anak, nafkah bertujuan menjaga keperluan asas kehidupan seperti makanan, tempat tinggal, pendidikan dan kesihatan, yang berkait rapat dengan pemeliharaan nyawa dan kelangsungan hidup. Dalam masa yang sama, syariah juga mengambil kira masalah bapa agar tidak dibebankan melebihi kemampuan sehingga menjejaskan kestabilan hidup dan tanggungjawab lain yang sah. Pendekatan ini menolak mafsadah berbentuk tekanan kewangan melampau yang akhirnya boleh menjejaskan kesejahteraan keluarga secara keseluruhan. Tuntutan nafkah yang melebihi kemampuan juga boleh memberi kesan negatif kepada semua pihak memperlihatkan prinsip *dar'u al-mafasid muqaddam 'ala jalb al-masalih*, iaitu mengelakkan kemudaratan didahulukan berbanding meraih manfaat.

Penetapan nafkah yang tidak munasabah bukan sahaja menzalimi bapa, malah berpotensi menjejaskan kepentingan anak sendiri jika bapa gagal mematuhi perintah

mahkamah atau mengalami kejatuhan ekonomi yang serius. Jika nafkah yang dituntut melebihi kemampuan bapa, ia boleh menyebabkan tekanan kewangan yang memberi kesan negatif kepada semua pihak, termasuk anak. Dalam menentukan kadar nafkah, Mahkamah perlu mengambil kira kos sara hidup semasa, tanggungan lain yang perlu dipikul oleh si bapa, dan keperluan asas anak yang berbeza mengikut umur serta tahap pendidikan mereka (Ahmad, B. 2015). Oleh itu, kadar nafkah yang ditetapkan haruslah fleksibel dan boleh disemak semula dari masa ke semasa mengikut perubahan ekonomi, kenaikan kos sara hidup, serta peningkatan keperluan anak (Dimon, Z., et.al, 2023). Dalam kes di mana bapa mengalami kesulitan kewangan secara tiba-tiba, misalnya kehilangan pekerjaan atau menghadapi masalah kesihatan, Mahkamah perlu menilai kembali jumlah nafkah yang dikenakan agar tidak membebankan mana-mana pihak.

Kepentingan Anak Sebagai Keutamaan

Dalam menentukan nafkah anak, kebajikan dan kesejahteraan anak perlu menjadi keutamaan (Safitri, et.al, 2024). Ini termasuk keperluan pendidikan, perubatan, dan kehidupan seharian yang stabil. Sekiranya bapa gagal memberikan nafkah yang mencukupi, ia boleh memberi kesan negatif kepada perkembangan fizikal dan mental anak, yang seterusnya boleh menimbulkan mafsadah dalam kehidupan mereka (Fudil, et.al, 2022). Nafkah yang mencukupi membantu memastikan anak-anak dapat memperoleh pendidikan yang baik, pemakanan yang mencukupi, dan penjagaan kesihatan yang berkualiti. Penekanan masalah terhadap kebajikan dan kesejahteraan anak sebagai keutamaan menunjukkan pemeliharaan kepentingan asas yang selari dengan maqasid syariah. Penyediaan nafkah yang mencukupi bagi keperluan pendidikan, perubatan dan kehidupan harian yang stabil membawa masalah kerana ia menjaga nyawa, akal dan kelangsungan hidup anak. Pendidikan yang baik membantu perkembangan intelek, pemakanan dan kesihatan yang mencukupi memastikan pertumbuhan fizikal yang sihat, manakala kehidupan yang stabil memberi ruang kepada perkembangan emosi dan sosial yang seimbang. Kesemua ini merupakan bentuk masalah daruriyyah dan hajiyyah yang wajib dipelihara oleh penanggung nafkah. Sebaliknya, mafsadah yang akan timbul apabila nafkah tidak diberikan secara mencukupi. Kegagalan bapa memenuhi tanggungjawab nafkah bukan sahaja menjejaskan keperluan material anak, malah membawa kesan buruk terhadap

perkembangan fizikal dan mental mereka. Kesan ini boleh berpanjangan, termasuk kelemahan prestasi akademik, masalah keyakinan diri dan gangguan dalam hubungan sosial. Mafsadah ini bukan bersifat sementara, tetapi berpotensi menjejaskan masa depan anak secara menyeluruh.

Selain itu, keperluan emosi dan psikologi anak juga perlu diberi perhatian. Kegagalan mendapatkan nafkah yang mencukupi boleh menyebabkan anak kurang yakin terhadap masa depan mereka (Nassuruddin, e.al, 2021). Ini boleh menjejaskan prestasi akademik mereka serta hubungan sosial dengan rakan sebaya yang lain. Oleh itu, nafkah anak bukan hanya perlu memenuhi keperluan fizikal tetapi juga memberi jaminan kestabilan emosi kepada anak agar mereka dapat membesar dalam persekitaran yang kondusif. Penegasan terhadap keperluan emosi dan psikologi anak memperlihatkan bahawa mafsadah tidak terhad kepada kekurangan fizikal semata-mata. Ketidacukupan nafkah boleh mewujudkan rasa tidak selamat, kebimbangan terhadap masa depan dan tekanan emosi, yang akhirnya menghalang anak membesar dalam persekitaran yang kondusif. Oleh itu, pemenuhan nafkah yang mencukupi berfungsi sebagai mekanisme menolak mafsadah, di samping merealisasikan masalah jangka panjang dalam kehidupan anak.

Mengelakkan Penyalahgunaan Tuntutan Nafkah

Terdapat kes di mana nafkah anak dijadikan alat untuk menekan pihak lain. Tuntutan nafkah yang tidak munasabah boleh membawa kepada ketidakadilan dan bebanan kewangan. Oleh itu, keseimbangan perlu dicapai agar tuntutan nafkah hanya digunakan untuk keperluan sebenar anak dan bukan untuk kepentingan peribadi. Dalam beberapa kes, terdapat ibu yang menuntut nafkah anak yang jauh lebih tinggi daripada keperluan sebenar anak, sementara ada juga bapa yang cuba mengelak daripada memberikan nafkah anak dengan alasan yang tidak munasabah (Khairifaizul, et.al, 2023). Apabila nafkah anak dijadikan alat untuk menekan pihak lain atau memenuhi kepentingan peribadi. Tuntutan nafkah yang tidak munasabah membawa kepada ketidakadilan dan bebanan kewangan, terutamanya apabila jumlah yang dituntut jauh melebihi keperluan sebenar anak. Ini merupakan mafsadah kerana ia menyalahi tujuan asal pensyariatan nafkah, iaitu menjaga kebajikan anak, dan sebaliknya menimbulkan konflik, penindasan serta ketegangan antara ibu dan bapa. Begitu juga perbuatan bapa

yang cuba mengelak daripada memberi nafkah dengan alasan yang tidak munasabah turut dikategorikan sebagai mafsadah kerana mengabaikan hak anak dan mendedahkan mereka kepada kemudaratan hidup.

Peranan Mahkamah amat penting dalam menyiasat tuntutan yang dibuat dan memastikan bahawa nafkah yang diberikan benar-benar digunakan untuk manfaat anak. Mahkamah boleh meminta penyata perbelanjaan dan bukti penggunaan nafkah anak bagi mengelakkan sebarang penyelewengan berlaku (Rapini, 2023). Selain itu, kawalan yang lebih ketat perlu diwujudkan bagi memastikan bahawa nafkah anak digunakan secara betul dan tidak disalahgunakan. Satu pendekatan yang boleh diambil ialah dengan menyalurkan nafkah anak secara langsung kepada institusi pendidikan, perubatan, atau penyedia perkhidmatan yang relevan bagi memastikan bahawa keperluan anak benar-benar dipenuhi.

Mahkamah memainkan peranan penting dalam memastikan keseimbangan antara masalah dan mafsadah. Hakim perlu mempertimbangkan semua aspek termasuk pendapatan bapa, keperluan anak, dan keadaan ekonomi semasa sebelum menetapkan jumlah nafkah (Devy, S. 2020). Masalah melalui penekanan bahawa nafkah perlu difokuskan semata-mata kepada keperluan sebenar anak. Maka peranan Mahkamah dalam menyiasat tuntutan, meminta penyata perbelanjaan dan bukti penggunaan nafkah bertujuan memastikan nafkah benar-benar dimanfaatkan untuk pendidikan, perubatan dan keperluan asas anak. Langkah kawalan yang lebih ketat, termasuk penyaluran nafkah secara langsung kepada institusi berkaitan, merupakan bentuk masalah yang bersifat pencegahan. Ia bukan sahaja menjamin kebajikan anak, tetapi juga menutup ruang penyelewengan dan salah guna yang boleh menimbulkan mafsadah pada masa hadapan.

b) Implikasi Terhadap Pengabaian Nafkah Anak

Terdapat banyak kes di mana nafkah anak diabaikan, sama ada akibat perceraian, masalah kewangan atau sikap tidak bertanggungjawab ibu bapa. Pengabaian nafkah anak boleh membawa pelbagai implikasi yang serius, bukan sahaja kepada anak-anak yang terkesan secara langsung tetapi juga kepada masyarakat secara keseluruhan. Dari sudut emosi dan psikologi, anak-anak yang diabaikan nafkahnya sering mengalami tekanan perasaan, kemurungan dan rasa rendah diri. Mereka mungkin merasa tidak

dihargai atau ditinggalkan oleh ibu bapa mereka, terutama jika melihat rakan sebaya mereka hidup dalam keadaan lebih selesa (Nasution, R. F. 2021). Akibatnya, mereka mungkin menyimpan perasaan marah atau dendam yang boleh membawa kepada masalah tingkah laku seperti memberontak atau kemurungan. Implikasi lebih besar juga dapat dilihat dalam institusi kekeluargaan dan masyarakat. Apabila seorang ibu terpaksa menanggung anak-anak seorang diri tanpa bantuan nafkah daripada si bapa, beban kewangan yang besar boleh menyebabkan tekanan emosi (Isahak, et.al, 2009). Keadaan ini boleh membawa kepada masalah rumah tangga lain seperti tekanan mental, pertelingkahan dan ketegangan dalam hubungan kekeluargaan.

Pada peringkat anak, kegagalan menerima nafkah memberi kesan langsung kepada emosi dan psikologi seperti tekanan perasaan, kemurungan dan rasa rendah diri. Keadaan ini menjejaskan kestabilan jiwa dan perkembangan mental anak, malah boleh mencetuskan masalah tingkah laku seperti memberontak atau menyimpan perasaan dendam. Mafsadah ini bukan bersifat sementara, sebaliknya boleh berpanjangan dan mempengaruhi pembentukan personaliti serta masa depan anak. Mafsadah tersebut turut merebak ke institusi kekeluargaan, khususnya apabila ibu terpaksa memikul tanggungjawab membesarkan anak seorang diri tanpa sokongan nafkah daripada bapa. Beban kewangan yang berat sering disertai tekanan emosi dan mental, lalu mencetuskan pertelingkahan, ketegangan dan ketidakstabilan hubungan kekeluargaan. Keadaan ini bertentangan dengan matlamat syariah yang menuntut ketenangan, keharmonian dan keadilan dalam keluarga.

Dari perspektif masyarakat pula, apabila semakin ramai anak tidak mendapat nafkah, masalah sosial seperti peningkatan kadar kemiskinan dan jenayah akan semakin menjadi-jadi serta memberi kesan negatif kepada pembangunan negara (Rashid, A. R. A. 2006). Peningkatan bilangan anak yang tidak mendapat nafkah digambarkan sebagai punca kepada masalah sosial yang lebih luas seperti kemiskinan dan jenayah. Mafsadah ini bersifat kolektif kerana kesannya tidak terhenti kepada individu atau keluarga tertentu, tetapi menjejaskan kestabilan sosial dan pembangunan negara. Apabila keperluan asas anak gagal dipenuhi, mereka lebih terdedah kepada keciciran pendidikan, tekanan hidup dan pengaruh negatif, yang akhirnya menyumbang kepada keruntuhan sosial.

Bagi mengatasi implikasi ini, pelbagai langkah boleh diambil termasuk

penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas terhadap bapa yang mengabaikan nafkah anak mereka. Mahkamah dan badan yang berkaitan perlu memastikan keputusan mengenai nafkah dipatuhi dan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang enggan membayar nafkah dengan sengaja. Selain itu, kesedaran dalam masyarakat mengenai kepentingan nafkah anak perlu dipertingkatkan melalui kempen dan pendidikan agar ibu bapa memahami bahawa memberikan nafkah bukanlah satu pilihan, tetapi satu kewajipan. Bantuan kewangan dan perlindungan juga perlu disediakan kepada ibu atau penjaga yang menghadapi kesukaran akibat pengabaian nafkah.

Kesimpulannya, pengabaian nafkah anak membawa implikasi yang serius kepada anak-anak, keluarga dan masyarakat. Ia boleh memberi kesan negatif kepada kestabilan sosial dan ekonomi negara. Oleh itu, kesedaran dan tindakan yang tegas perlu diambil bagi memastikan setiap anak mendapat hak mereka untuk hidup dalam keadaan yang baik dan terpelihara.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, konsep masalah dan mafsadah memainkan peranan penting dalam menentukan jumlah nafkah anak yang adil dan sewajarnya. Masalah menuntut agar kepentingan dan kebajikan anak-anak diutamakan, khususnya dalam memastikan mereka mendapat kehidupan yang selesa dan sempurna dari segi keperluan asas seperti makanan, pakaian, pendidikan, tempat tinggal, dan kesihatan. Dalam masa yang sama, konsep mafsadah perlu dielakkan agar tidak wujud sebarang unsur kezaliman atau kesusahan sama ada kepada penerima nafkah mahupun pemberi nafkah.

Dalam menentukan jumlah nafkah anak yang adil, kesesuaian dan keseimbangan antara keperluan anak dan kemampuan bapa perlu diberi perhatian. Nafkah yang diberikan harus mengambil kira tahap kehidupan semasa, kos sara hidup, serta keperluan khusus anak-anak yang mungkin berbeza bergantung pada umur, pendidikan, dan keadaan kesihatan mereka. Oleh itu, konsep masalah memastikan bahawa hak anak tidak dinafikan, manakala konsep mafsadah menghindari tekanan kewangan yang tidak mampu ditanggung oleh pihak yang memberi nafkah iaitu si bapa.

Di samping itu, masyarakat juga memainkan peranan penting dalam membentuk kesedaran tentang tanggungjawab nafkah anak. Didikan agama dan nilai moral perlu diperkukuhkan agar ibu bapa memahami bahawa memberikan nafkah bukan hanya satu

kewajipan agama dan undang-undang, tetapi juga satu amanah yang perlu dipenuhi dengan penuh tanggungjawab. Tindakan mengabaikan nafkah bukan sahaja menzalimi anak-anak, malah boleh menyebabkan keruntuhan institusi keluarga dan meningkatkan masalah sosial dalam masyarakat.

Kesimpulannya, konsep masalah dan mafsadah dalam penentuan nafkah anak bukan sekadar satu perbincangan teori, tetapi satu prinsip penting yang perlu diterapkan dalam kehidupan seharian. Nafkah yang adil akan memastikan anak-anak membesar dengan sempurna dan tidak mengalami kesusahan akibat kecuaiannya bapa dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Pada masa yang sama, keadilan dalam nafkah juga perlu mengambil kira kemampuan pihak yang memberi nafkah agar tidak membebankan mereka secara keterlaluan. Oleh itu, kefahaman yang jelas mengenai konsep ini amat penting untuk mewujudkan keseimbangan dalam keluarga dan masyarakat serta memastikan kebajikan generasi akan datang terpelihara dengan baik.

RUJUKAN

- Ahmad, B. (2015). Penentuan Kriteria Kifayah dan Ma'ruf Nafkah Isteri dan Anak di Malaysia. *University of Malaya (Malaysia)*.
- Ahmad, B. (2019). Penentuan Kifayah adna sebagai Jaminan Nafkah Isteri di dalam Islam: Kajian kes di Lembah Klang, Malaysia. *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(2), 111-126.
- Ahmad, B., Wahab, M. A., Azahari, R., & Ab Rahman, A. (2016). Pentaksiran Nafkah Anak Berasaskan Kriteria Kifayah Dan Ma'ruf: Kajian Kes Di Malaysia. *Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*.
- Ahmad, R. (2016). Salah Faham Terhadap Standard Masalah Dan Mafsadah Dalam Menangani Isu-Isu Semasa Di Malaysia. *MAQASID AL-SHAR'AH*, 15.
- Akbar Sarif & Ridzwan Ahmad. (2017). Konsep Masalah Dan Mafsadah Menurut Imam Al-Ghazali. *Jurnal Peradaban Islam*, Vol. 13, No. 2, November 2017, 353-368. Universiti Malaya.
- Ardayan, E., Boari, Y., Akhmad, A., Yuliyani, L., Hildawati, H., Suarni, A., ... & Judijanto, L. (2023). Metode penelitian kualitatif dan kuantitatif: Pendekatan metode kualitatif dan kuantitatif di berbagai bidang. *PT. Sonpedia Publishing Indonesia*.
- Aziz, N. M. (2012). Urgensi Penelitian Dan Pengkajian Hukum Dalam Pembentukan Peraturan Perundang-Undangan. *Jurnal Rechts Vinding: Media Pembinaan Hukum Nasional*, 1(1), 17-31.
- Azizi, A. Q. (2016). Jaminan Hak Nafkah Anak dalam Hukum Keluarga Islam di Indonesia. Program Pasca Sarjana UIN Sunan Kalijaga.
- Bahri, S. (2015). Konsep Nafkah Dalam Hukum Islam (Conjugal Need Concept In Islamic Law). *Kanun Jurnal Ilmu Hukum*, 17(2), 387-388.
- Devy, S. (2020). Pertimbangan hakim dalam menetapkan nafkah anak pasca perceraian (studi putusan hakim nomor 0233/pdt. g/2017/ms-mbo). *El-Usrah: Jurnal Hukum Keluarga*.
- Dimon, Z., & Jusoh, Z. Y. M. (2023, November). 1034-Perubahan Perintah Nafkah Anak Disebabkan Keperluan Kos Sara Hidup: Perbandingan Undang-Undang Keluarga Islam dan Sivil. In *Selangor. International Conference on Syariah & Law*.

- Dimon, Z., & Jusoh, Z. Y. M. (2024). Pengubahan Perintah Nafkah Anak Berdasarkan Kos Sara Hidup Dari Perspektif Undang-Undang di Malaysia: Changes in Child Maintenance Orders Based on The Cost of Living From A Legal Perspective In Malaysia. *Journal of Muwafaqat*, 7(2), 86-99.
- Durotun, N. (2024). Analisis Penentuan Kadar Nafkah Istri Dan Anak Pasca Cerai Gugat Perspektif Jurimetri Dan Masalah Mursalah (Studi Putusan-Putusan di Pengadilan Agama Kab. Madiun tahun 2023) (Doctoral dissertation, IAIN PONOROGO).
- Firmanto, T., Sufiarina, S., Reumi, F., & Saleh, I. N. S. (2024). Metodologi Penelitian Hukum: Panduan Komprehensif Penulisan Ilmiah Bidang Hukum. PT. Sonpedia Publishing Indonesia.
- Fudil, N., Saidon, R., & Huda, N. (2022). Hak Anak-Anak Dalam Pengurusan Nafkah Menurut Perspektif Keluarga Islam. *International Journal Of Law, Government And Communication (IJLGC)*, 7(28), 217-224.
- Fuad, Z., Furqani, H., Zakaria, R. H., & Adha, S. I. (2024). Considering debt in the perspective of maqasid al-shariah: masalah versus mafsadah. *Petita: Jurnal Kajian Ilmu Hukum Dan Syariah*. <https://doi.org/10.22373/petita.v9i1.243>
- Hidayatullah, S. (2018). Masalah Mursalah Menurut Al-Ghazali. *Al-Mizan: Jurnal Hukum Dan Ekonomi Islam*, 2(1), 115-163.
- Hikmah, N., & Yazid, M. (2024). Maqashid Al-Syariah as a Contemporary Economic Solution According to Yusuf Al-Qaradawi. *ITQAN: Journal of Islamic Economics, Management, and Finance*, 4(1), 51–63. <https://doi.org/10.57053/itqan.v4i1.62>
- Ibrahim, B., & Mohd, A. (2013). Hak anak terhadap nafkah dalam perundangan Islam: Sejauh manakah bapa bertanggungjawab menanggung nafkah anaknya. *Jurnal Muamalat*, 10.
- Isahak, D., Selvaratnam, D. P., & Idris, N. A. H. (2009). Isu dan cabaran ibu tunggal dalam menghadapi perubahan persekitaran global. *Proceedings of PERKEM*, IV (1), 324-336.
- Ismail, M. H., & Isa, M. A. N. M. (2024) Analisis Penentuan Kadar Nafkah Istri Dan Anak Pasca Cerai Gugat Perspektif Jurimetri Dan Masalah Mursalah. *Malaysian Journal of Law & Society*, 34(1).
- Ismail, M. H., & Isa, M. A. N. M. (2024). Analisis Item Nafkah Selain Keperluan Asas Dalam Perintah Nafkah. *Malaysian Journal of Law & Society*, 34(1).
- Khairifaizul, N. A. B. (2023). Alasan Pengabaian Nafkah Oleh Suami Dalam Putusan Fasakh: Studi Perbandingan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Seri Iskandar, Negeri Perak Dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Doctoral Dissertation, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau).
- Man, S. (2022). Fiqh Semasa: Konsep dan Aplikasinya. Jabatan Agama Islam Negeri Selangor, accessed May, 31.
- Nasohah, Z. (2018). Analisa keputusan mahkamah Syariah dalam penentuan kadar dan bentuk nafkah anak. In *Proceeding 3rd International Seminar on Islamic Thought*.
- Nassuruddin, A. S. M. (2021). Pembiayaan nafkah ibu bapa: Kajian pelaksanaan di Pasir Mas Kelantan. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 2(2), 97-112.
- Nasution, R. F. (2021). Kondisi psikologis anak pencari nafkah di bawah umur (studi kasus anak pemulung di Kelurahan Aek Tampang Kota Padangsidimpuan Selatan) (Doctoral dissertation, IAIN Padangsidimpuan).
- Rapini, A. M. (2023). 1054-Pembuktian Kes Tuntutan Berkaitan Cuai Nafkah: Kajian Terhadap Pembelaan Peningkatan Kos Sara Hidup.
- Rashid, A. R. A. (2006). Institusi keluarga menghadapi cabaran alaf baru. Utusan Publications.
- Sabarudin, S., Nor, A. M., Urus, N. S. T., & Sulaiman, N. (2025). Kesalahan Matrimoni: Analisis dari Perspektif Hukum Syarak dan Perundangan Islam di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 11, 2.
- Safitri, D. A., & Ahmad, M. J. (2024). Tanggungjawab orangtua atas nafkah anak pasca perceraian. Court review: *Jurnal Penelitian Hukum (e-ISSN: 2776-1916)*, 4(01), 34-56.
- Sarbini, M., Sulong, J., & Basir, N. (2024). Kesiediaan Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia. Penerbit USM.

- Sabil, J., & Fazira, N. (2024). The Maqashid Sharia Perspective on Women's Involvement in Supporting Family Livelihoods in Jantho City. *Maqasidi*, 263–272. <https://doi.org/10.47498/maqasidi.v4i2.4116>
- Sarif, A., & Ahmad, R. (2017). Konsep masalah dan mafsadah menurut Imam al-Ghazali. *Tsaqqafah*, 13(2), 353-368.
- Tafsir Al-Muyassar (2009), Majma' Al-Malik Fahd Percetakan Al-Quran Al-Karim, Arab Saudi
- Zaini Nasohah. (2016). Analisa Keputusan Mahkamah Syariah Dalam Penentuan Kadar Dan Bentuk Nafkah Anak. Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2017). Al-Fiqh Al-Manhaji: Kekeluargaan Islam Dalam Mazhab Al-Syafi'i (Halaman 299 -328). *Darul Syakir Enterprise.Kuala Lumpur*.

Kes-kes

- Mohd Hassan b. M. Ghazali lwn Siti Sharidza bt. Mohd Sidque [2004] 18(2) JH 269-277
- Rokiah lwn Abdul Aziz [1988] 4(1) JH 156-164
- Hasanah bt Abdullah lwn Ali b. Muda [1999] 13(2) JH 159-184
- Azizan b. Marzuki lwn Maharum bt Abdullah [2002] 15(1) JH 13–23

Statut

- Akta Undang-Undang Keluarga Islam (W. Persekutuan) 1984.